

**MINIT MESYUARAT PRAKELAYAKAN KEJOHANAN OLAHRAGA SEKOLAH RENDAH DAERAH MANJUNG  
KALI KE-11 TAHUN 2019.**

**Tarikh** : 23 Januari 2019  
**Masa** : 2.30 petang  
**Tempat** : Dewan Samudera, SK Seri Bayu.



**AGENDA MESYUARAT :**

1. Ucapan Pengerusi
2. Ucapan PPD / Wakil
3. Penetapan tarikh, masa dan tempat pertandingan.
4. Taklimat Pertandingan oleh Penyelia Kanan Sukan PPD Manjung.
5. Taklimat Pendaftaran online oleh JK B&P Daerah Manjung.
6. Hal-hal lain.
7. Ucapan Penangguhan

**KEHADIRAN :**

1. En. Abdul Aziz Bin Sarip ( Penyelia Kanan Sukan PPD Manjung )
2. En. Wazir Shafiq Bin Khalil ( PTPS B&P Manjung – SMK Dato' Idris )
3. En. Ariff Bin Mat ( Penolong PTPS B&P Manjung – PK Petang SK Seri Manjung )
4. En Mohd Hairul Anuar Bin Hashim ( PK Kokurikulum, SK Seri Manjung )

**Wakil-Wakil Sekolah Rendah Daerah Manjung**

BIL	KOD SEK	SEKOLAH	BIL	KOD SEK	SEKOLAH
1	ABA1001	SK DENDANG	38	ABC1046	SJK(C) HWA LIAN (1)
2	ABA1003	SK KAMPUNG KOTA	39	ABC1047	SJK(C) HWA LIAN (2)
3	ABA1004	SK GELONG GAJAH	40	ABC1048	SJK(C) ENG LING
4	ABA1005	SK CHANGKAT CHERMIN	41	ABC1049	SJK(C) PING MIN
5	ABA1006	SK AYER TAWAR	42	ABC1051	SJK(C) KUR SENG
6	ABA1007	SK PANCHOR	43	ABC1052	SJK(C) CHUNG CHENG
7	ABA1009	SK SUNGAI BATU	44	ABC1053	SJK(C) UK ING
8	ABA1010	SK LADANG HUNTLY	45	ABC1054	SJK(C) CHINESE NATIONAL
9	ABA1011	SK SEGARI	46	ABC1055	SJK(C) UK DIH
10	ABA1012	SK NAKHODA MUHAMMAD TAIB	47	ABC1056	SJK(C) CHIEN HUA
11	ABA1013	SK SUNGAI RAMAI	48	ABC1058	SJK(C) SIMPANG LIMA
12	ABA1014	SK SUNGAI WANGI	49	ABC1059	SJK(C) KOK MING
13	ABA1015	SK SERI SELAMAT	50	ABC1061	SJK(C) AYER TAWAR
14	ABA1016	SK SITIAWAN	51	ABC1062	SJK(C) MIN TE
15	ABA1017	SK LEKIR	52	ABC1063	SJK(C) KAMPUNG JERING
16	ABA1018	SK MUHAMMAD SAMAN	53	ABC1064	SJK(C) PEI MIN
17	ABA1019	SK BATU SEPULUH	54	ABC1065	SJK(C) KAMPONG MERBAU
18	ABA1020	SK SUNGAI TIRAM	55	ABC1066	SJK(C) KHUEN HEAN
19	ABA1021	SK DATO' ISHAK	56	ABC1067	SJK(C) SUNGAI BATU
20	ABA1022	SK LUMUT	57	ABC1068	SJK(C) PEI MIN
21	ABA1023	SK SERI PANGKOR	58	ABC1069	SJK(C) TIT BIN
22	ABA1024	SK TELAGA NENAS	59	ABC1070	SJK(C) PEI CHING
23	ABA1025	SK KAMPUNG BAHARU	60	ABC1071	SJK(C) YEN MIN
24	ABA1026	SK KAYAN	61	ABD1073	SJK(T) MAHA GANESA VIDDYASALAI
25	ABA1027	SK PANGKALAN TLDM	62	ABD1075	SJK(T) PANGKOR
26	ABA1028	SK SERI MANJUNG	63	ABD1077	SJK(T) PENGKALAN BARU
27	ABA1030	SK GUGUSAN LEKIR	64	ABD1078	SJK(T) LADANG HUNTLY
28	ABA1031	SK PANGKALAN TLDM II	65	ABD1079	SJK(T) LADANG SOGOMANA
29	ABA1032	SK KPG. DATO' SERI KAMARUDDIN	66	ABD1082	SJK(T) LADANG AYER TAWAR
30	ABA1033	SK SERI SITIAWAN	67	ABD1083	SJK(T) KAMPONG TUN SAMBANTHAN
31	ABA1034	SK SERI BAYU	68	ABD1084	SJK(T) LADANG CASHWOOD
32	ABA1035	SK SERI SAMUDERA	69	ABD1086	SJK(T) LADANG WALBROOK
33	ABB1039	SK METHODIST (ACS) SITIAWAN	70	ABD1087	SJK(T) LADANG SG WANGI II

34	ABB1041	SK METHODIST AYER TAWAR	71	ABD1089	SJK(T) MUKIM PUNDUT
35	ABB1042	SK CONVENT	72	ABD1091	SJK(T) KAMPUNG KAYAN
36	ABB1043	SK SIMPANG EMPAT SITIAWAN	73	ABD1092	SJK(T) AYER TAWAR
37	ABB1044	SK ST. FRANCIS	74	A07B942	CITY HARBOUR INTERNATIONAL SCHOOL.

### 1. Ucapan Pengerusi Kejohanan En Arif bin Mat

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah atas kehadiran guru.
- 1.2 Menerangkan tujuan diadakan mesyuarat adalah untuk membincangkan mengenai prakelayakan kejohanan olahraga MSSD tahun ini seterusnya untuk mencapai target Manjung Top 3.
- 1.3 Mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada SK Seri Manjung sebagai Pengerusi Kejohanan.

### 2. Ucapan & Taklimat PPD.

- 2.1 En Abdul Aziz bin Sarip selaku Penyalia Kanan Sukan PPD Manjung mengucapkan selamat datang kepada semua guru.
- 2.2 Mengucapkan terima kasih kepada SK Seri Manjung di atas kesudian menjadi tuan rumah atau Pengerusi Kejohanan Prakelayakan olahraga MSSD tahun ini.
- 2.3 Tempat untuk Kejohanan prakelayakan olahraga MSSD tahun ini kekal di Stadium TLDM Lumut buat tahun ketiga. Moga perjalanan kejohanan tahun ini berjalan lancar.
- 2.4 Kejohanan prakelayakan olahraga ini akan diadakan pada 20 – 21 Februari 2019, namun mesyuarat tersebut diadakan lebih awal untuk memudahkan proses pendaftaran yang akan dilakukan oleh JK Olahraga Daerah En Mohd Hairul Anuar.
- 2.5 Borang pas masuk untuk kejohanan perlulah diisi lengkap sebelum 5 Februari 2019 untuk melancarkan proses kemasukan ke dalam Stadium TLDM
- 2.6 Beliau juga turut menekankan beberapa tatacara Stadium TLDM di mana, kereta tidak dibenarkan paker di atas kawasan berumput, hanya paker di tempat yang disediakan. Peserta tidak dibenarkan memakai kasut spike apabila berjalan di laluan utama yang berlantaikan jubin marmar. Peserta juga tidak dibenarkan merayau atau berjalan tanpa guru pengiring.
- 2.7 Beliau juga turut mengingatkan seandainya ada murid yang terpilih untuk mewakili daerah dan dikehendaki menjalani latihan pusat, maka cikgu pengiring haruslah membawa sendiri pelajar tersebut ke tempat latihan sebagai langkah menjaga keselamatan pelajar.
- 2.8 Sekiranya murid ingin menyertai mana-mana pertandingan sukan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, guru haruslah bertanggungjawab dan perlu menghantar sendiri pelajar ke tempat pertandingan dan bukannya Ibubapa.

### 3. Penetapan tarikh kejohanan

Hari dan Tarikh		Masa	
		Pagi	Petang
Rabu	20.02.2019	Jam 7.30	Jam 6.30
Khamis	21.02.2019	Jam 7.30	Jam 6.30

Tempat : Stadium Pangkalan TLDM, Lumut, Perak.

### 4. Peraturan Pertandingan

- 4.1 Undang-Undang Pertandingan  
Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik MSS Perak, peraturan-peraturan am MSS Perak dan MSSM serta undang-undang KOM/IAAF.

### 5. Jenis Pertandingan

- 5.1 Pertandingan individu dan berpasukan
- 5.2 Acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:-

## ACARA-ACARA SERTA UKURAN DAN TIMBANGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN

BIL	ACARA	KLS	KLS	KLS	KLS
		3 (L12)	4 (L11)	3 (P12)	4 (P11)
1	100 M	X	X	X	X
2	200 M	X	X	X	X
3	80 M L.Berpagar	X 0.762m	X 0.762m	X 0.762m	X 0.762m
4	Lompat Tinggi	X	X	X	X
5	Lompat Jauh	X	X	X	X
6	Lontar Peluru	X (T) 2.72 kg	X (T) 2.72 kg	X (T) 2.72 kg	X (T) 2.72 kg
7	4 X 100 M	X (T)		X (T)	
8	4 X 200 M	X (T)		X (T)	

### 5.2.1 Acara Lari Berpagar

Acara	Bil. Pagar	Garisan Permulaan ke pagar pertama	Pagar ke pagar	Pagar akhir ke garisan penamat
80m	8	12.00m	8.00m	12.00m

### 5.2.2 No. Acara 8 : Acara 4 x 200 meter

5.2.2.1 Pelari pertama akan gunakan lorong sendiri dan akan mula di garisan 1 stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 x 100 meter.

5.2.2.2 Pelari kedua akan bersedia di garisan 1 stagger (Garisan ini akan disediakan).

5.2.2.3 Pelari ketiga akan bersedia di garisan stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 x 400 meter). Selepas menerima baton dari pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing-masing sehingga ke akhir selekoh pertama dan kemudiannya dia boleh memotong masuk ke lorong dalam menghala ke arah pelari keempat diletakkan.

5.2.2.4 Pelari akhir akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut urutan dalam senarai permulaan dari dalam ke luar dengan syarat tidak menghalang atau mrnolak peserta lain.

### 5.2.3 No. Acara 4 : Acara Lompat Tinggi

Ketinggian minimum bagi acara ini adalah seperti berikut:-

<u>Kelas</u>	<u>Lelaki</u>	<u>Perempuan</u>
Kelas 3(Bawah 12 Tahun)	1.20m	1.10m
Kelas 4(Bawah 11 Tahun)	1.10m	1.00m

## 6 Undian Lorong

- a. Undian Lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan bantuan Jawatankuasa Teknikal Olahraga Daerah Manjung. Sebarang pembedahan / pindaan kepada kemasukan boleh dibuat sebelum pengundian lorong dijalankan. Selepas ini, pembedahan / pindaan tidak akan dilayan

## **7. Acara Lari Berganti-Ganti**

- a. Semua pelari acara lari berganti-ganti hendaklah didaftarkan dalam Borang Penyertaan.
- b. Senarai nama pelari hendaklah diserahkan kepada Ketua Penyelia Peserta satu (1) jam sebelum acara tersebut dimulakan dengan menggunakan borang Masuk Rasmi acara lari berganti-ganti.

## **8. Melapor Diri**

- a. Semua peserta hendaklah melapor diri kepada Ketua Penyelia Peserta sekurang-kurangnya 20 minit bagi acara balapan dan 30 minit bagi acara padang, sebelum acara berkenaan dijalankan.
- b. Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dengan nombor masing-masing disematkan dengan pin pada keempat-empat sudut kain nombor yang dipakai di bahagian dada dan belakang (kecuali bagi acara lompat tinggi dibenarkan dengan satu nombor di dada atau di belakang)
- c. Peserta-peserta yang melaporkan diri lewat daripada 10 minit sebelum acara dimulakan, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dan dianggap telah menarik diri.

## **9. Pembatalan Penyertaan**

- a. Semua pembatalan penyertaan (scratchings) dalam sesuatu acara hendaklah dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan atau oleh pengurus pasukan/jurulatih masing-masing kepada Ketua Penyelia Peserta, sekurang-kurangnya 1 jam sebelum acara berkenaan dijadual bermula.

## **10 Gantian Dan Penarikan Diri**

- a. Gantian kepada peserta yang telah pun disahkan bertanding tidak akan dibenarkan bagi Acara perseorangan selepas undian lorong dibuat.
- b. Penggantian bagi acara lari berganti-ganti dibenarkan kepada dua (2) orang peserta yang namanya telah didaftarkan dalam Borang Penyertaan. Peraturan ini juga melibatkan pusingan saringan hingga ke pusingan akhir.
- c. Jika didapati seseorang peserta yang telah mendaftarkan diri tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acara, maka peserta itu dianggap sebagai menarik diri tanpa sebab. Oleh yang demikian peserta tersebut tidak dibenarkan menyertai lagi acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- d. Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acaranya selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal tanpa surat pengesahan doktor/pegawai perubatan adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
- e. Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat doktor/pegawai perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam acara-acara yang didaftarkan atas namanya dengan syarat peserta tersebut mengemukakan surat pengesahan daripada doktor / pegawai perubatan kepada Pengurus Kejohanan.
- f. Tidak ada gantian bagi peserta yang telah menarik diri.

## **11 Sistem Pertandingan**

- a. Pertandingan bagi acara-acara balapan 100m, 200m, 80m lari berpagar dan 4 x 100m serta 4 x 200m akan diadakan secara ujian masa.
- b. Penentuan peserta-peserta ke peringkat separuh akhir dan akhir di Kejohanan Olahraga MSSD Manjung nanti adalah seperti berikut:-
  - a) Acara balapan 100m, 200m, 80m Lari berpagar juga 4 x 100 m dan 4 x 200m akan diambil dari 16 peserta atau pasukan yang terbaik untuk ke peringkat separuh akhir.
  - b) Bagi acara padang; 8 peserta terbaik terus ke peringkat akhir.

## **12 Gelanggang dan Alatan**

- a. Seperti undang-undang MSSM/KOAM
- b. Spesifikasi peralatan yang digunakan adalah seperti tersebut dalam peraturan 5.
- c. Blok Permulaan : Penggunaan dimestikan untuk semua kelas dalam acara-acara jarak 100m dan 200m, semua acara lari berpagar termasuk 4 x 100m dan 4 x 200m.

## **13 Nombor dan Huruf Peserta**

- a. Semua peserta termasuk peserta-peserta yang bertanding dalam acara lari berganti-ganti hendaklah menggunakan nombor peserta/abjad yang ditetapkan.
- b. Setiap peserta hendaklah memakai sepasang kain nombor pengenalan (satu di dada dan satu di belakang) dengan disematkan pada keempat-empat sudut kain dengan pin.
- c. Nombor-nombor peserta hendaklah dicapkan dengan jelas dan tidak luntur apabila basah. Nombor-nombor tersebut hendaklah berukuran:

Tinggi tulisan : 12cm  
Lebar tulisan : 1.5cm

## **14 Pakaian/Peralatan Peserta.**

- a. Peserta-peserta hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan menerima hadiah.
- b. Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah.
- c. Semua peralatan pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Sekiranya alatan persendirian perlu digunakan, peserta berkenaan hendaklah menyerahkan kepada Pengurus Teknik untuk disahkan terlebih dahulu sehari sebelum pertandingan dan dipungut semula selepas pertandingan.
- d. Panjang paku kasut (spikes) dibenarkan tidak melebihi 6mm kecuali untuk acara lompat tinggi.

## **15 Penyingkiran Penyertaan**

- a. Peserta-peserta yang didapati tidak menepati mana-mana Peraturan Pertandingan ini tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

## **16 Bantahan**

Segala bantahan hendaklah dibuat dengan wang mengikut Peraturan 147 KOAM, kecuali atas perkara-perkara berikut :-

- a. Jika masalah bantahan berkenaan dengan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah 'bantahan' dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada pihak MSSPK
- b. Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan tidak lewat daripada 15 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal dan 30 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara akhir.
- c. Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM200.00 (Dua ratus ringgit sahaja)**

## **17 Kawasan Pertandingan/Peserta**

- a. Hanya pegawai-pegawai kejohanan yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding sahaja boleh berada di tempat pertandingan
- b. Pegawai-pegawai pasukan tidak dibenarkan masuk ke dalam arena pertandingan kecuali diminta berbuat demikian oleh Pengurus Kejohanan.
- c. Peserta-peserta dikehendaki berbaris sewaktu masuk dan keluar dari arena pertandingan.

## 18 Hak-hak Jawatankuasa Pengelola

- a. Setiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, pengumuman rasmi akan dibuat.
- b. Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan-peraturan ini. Peraturan Am MSSM/MSS Perak atau Undang-Undang KOM.

## 19 Yuran Penyertaan

- a. **Yuran Penyertaan**
  1. Sekolah Rendah (SK/SJKT/SJKC) = RM 150.00
  2. Sekolah Rendah (SKM) = RM 80.00
- b. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Manjung**

## 20 Taklimat PTPS Daerah Manjung ( En Wazir Shafiq Bin Kholil )

- a. Mengucapkan berbilang terima kasih kerana sambutan yang menggalakkan dalam acara merentas desa peringkat Daerah Manjung tahun 2017.
- b. Guru pengiring mesti mengambil tahu tempat pertandingan diadakan kerana bimbang ada peserta yang tidak dapat bertanding.
- c. Peserta lontar peluru **diwajibkan** memakai kasut untuk menjaga keselamatan.
- d. Kehadiran peserta mesti **tepat** pada waktunya.
- e. Kelayakan mewakili daerah hanya untuk 50 orang sahaja dan tidak semestinya pemenang pingat emas yang akan mewakili daerah, ia bergantung pada kelayakan no 3 pada MSSPK. Sekiranya pelajar tidak sempat bertanding, tetapi ada kelayakan, mereka akan diberi masa seminggu untuk menjalani latihan.

## 21 Taklimat Pendaftaran

- a. Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada atau sebelum **14 Februari 2019 (Khamis)**.

Aplikasi / borang penyertaan boleh dimuat turun melalui laman web :

**[www.olahragamanjung.org](http://www.olahragamanjung.org)**

21.3 Maklumat mengenai seseorang peserta hendaklah disikan dengan lengkap.

21.4 Borang Penyertaan yang telah dilengkapkan hendaklah diemailkan kepada:

**[olahragamanjung@gmail.com](mailto:olahragamanjung@gmail.com)**

21.5 Pendaftaran lewat daripada tarikh di atas **TIDAK AKAN DITERIMA DAN DIBATALKAN**. Sebarang perubahan penyertaan selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DILAYAN**.

21.6 Bilangan maksimum penyertaan seseorang adalah seperti berikut:-

Kumpulan Umur	Individu	Lari Berganti-ganti
12 tahun dan ke bawah	2	Terbuka
11 tahun dan ke bawah	2	Terbuka

21.7 Pembahagian kelas:

Kelas 3 - di bawah umur 12 tahun pada 1.1. tahun Kejohanan

Kelas 4 - di bawah umur 11 tahun pada 1.1. tahun Kejohanan

21.8 Had umur peserta (mengikut Per. 4 Peraturan-Peraturan Am MSSM)

21.9 Kiraan umur adalah pada 1 hb. Januari tahun pertandingan.

Seseorang peserta dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja kecuali dalam acara terbuka.

Bilangan peserta yang boleh didaftarkan:-

Acara	Bilangan Maksimum	Kelas
100 / 200 meter	2 orang	3,4
80 meter pagar	2 orang	3,4
Acara Padang	1 orang	3,4
Lari Berganti-ganti	1 pasukan	3,4

Tindakan : Makluman

## 22 Hal-hal Lain.

- Jawatankuasa Pengelola tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kehilangan barang-barang kepunyaan pegawai atau peserta di dalam atau berdekatan dengan tempat pertandingan serta atas apa jua kecederaan atau kemalangan pada masa pertandingan dijalankan sungguhpun beberapa persediaan akan diadakan untuk mengelakkan kejadian-kejadian seumpama di atas.
- Selain daripada pegawai-pegawai bertugas, tidak sesiapa pun dibenarkan memberi sebarang arahan mengenai pertandingan ini ataupun melibatkan diri dalam perjalanan pertandingan.
- Pihak Pengerusi berharap agar aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar atas kerjasama dari semua pihak.

Tindakan : Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

  
( ANISA BT AHMAD FAISAL )  
Pencatat Minit Mesyuarat,  
SK Seri Manjung

  
( MOHD HAIRUL ANUAR BIN HASHIM )  
Penolong Kanan Kokurikulum,  
SK Seri Manjung

  
[RUZAIMI BIN ZAMIN]  
Guru Besar,  
SK Seri Manjung

